



MAJLIS PELANCARAN

PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS BANDAR MALAWATI KUALA SELANGOR 2025

4 OGOS 2020

Anugerah Perkhidmatan
Cemerlang 2019
Majlis Daerah Kuala Selangor

5

Perhimpunan Pagi dan
Seminar Wanita
Majlis Daerah Kuala Selangor

11

Operasi Bersepadu
Warga Asing

19



Naskah Percuma

MEI

- Operasi Nyahkuman Kawasan Perniagaan Tanjung Karang
- Program Kami Prihatin, Kami Berkongsi Aidilfitri MDKS
- Program Bubur Lambuk MDKS
- Saringan Covid 19 Rumah Warga Emas
- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MDKS 2019
- Program Santuni Pesara MDKS
- Program Kami Prihatin, Kami Berkongsi Aidilfitri MDKS (Ahi Majlis)
- Lawatan Kerja Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP Sempena Skim Harga Maksimum Musim Perayaan Hari Raya Aidilfitri

JUN

- Penyerahan Alat Sanitasi
- Penyerahan Surat Kebenaran Berniaga Pasar Pagi/Malam Sempena Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan "Pandu Lalu"
- Pemantauan Pematuhan SOP Pasar Pagi/Malam Sempena Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)
- Lawatan Pemantauan Prosedur Operasi Standard (SOP) di Kawasan Pelancongan dan Kemaskini Produk Pelancongan Daerah Kuala Selangor



Sidang Redaksi BULETIN MALAWATI

Penaung

Puan Rahilah binti Rahmat AMS,
ydp@mdks.gov.my

Penasihat

Tuan Azman bin Dahlan AIS, PPT,
azmandahlan@mdks.gov.my

Editor

Puan Norrini binti Mohd Ladzim
norrini@mdks.gov.my

Pengarang

Encik Aliff Amani bin Jumeren
aliff@mdks.gov.my

Penolong Pengarang

Encik Hisyamuddin bin Zakaria
hisyamuddin@mdks.gov.my

Jurufoto, Rekabentuk dan Susunan

Encik Norirwan Sahril bin Mohmed Mogi
irwanshah@mdks.gov.my

JULAI

- Audit Dalaman EKSA Bil. 1/2020
- Bengkel Pencapaian Setengah Tahun Sasaran Kerja Tahunan 2020 Majlis Daerah Kuala Selangor
- Operasi Premis Warga Asing
- Lawatan Pejabat Ketua Setiausaha Negara Jabatan Perdana Menteri ke Kuala Selangor
- Perhimpunan Pagi dan Seminar Wanita Majlis Daerah Kuala Selangor 2020
- Operasi Kenderaan Berat
- Operasi Sitaan Kedai Kitar Semula
- Operasi Sitaan Premis Warga Asing
- Bengkel Tech - In 3.0 OSC Plus Majlis Daerah Kuala Selangor
- Operasi Sitaan Kilang Baja
- Operasi Penjaja Hadapan Tesco

OGOS

- Majlis Pelancaran Program Publisiti dan Penyertaan Awam Bagi Draf Rancangan Kawasan Khas Bandar Malawati Kuala Selangor 2025
- Operasi Warga Asing di Saujana Utama
- Audit MARRIS oleh Perbendaharaan Negeri Selangor
- Kursus Pemantapan Pengurusan Bangunan Kediaman Berstrata (Comprehensive Strata Management And Residential Training @ C-Smart)
- Audit Kawalan Vektor oleh KPKT
- Operasi Bersepadu Warga Asing
- Majlis Penjenamaan Kolej Antarabangsa Impens dan Penyampaian Sijil Taman Latihan Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtias Smart Selangor
- Perhimpunan Pagi Anjuran Jabatan Kejuruteraan
- Konvoi Kibar Jalur Gemilang



Diterbitkan Oleh

Unit Korporat dan Perhubungan Awam
Majlis Daerah Kuala Selangor

Diterbitkan Untuk



Majlis Daerah Kuala Selangor

Jalan Majlis 45000 Kuala Selangor

Tel : 03-3289 1439 Fax : 03-3289 1101

Web : www.mdks.gov.my

OPERASI NYAHKUMAN KAWASAN PERNIAGAAN TANJONG KARANG

7 Mei 2020

Majlis Daerah Kuala Selangor menjalankan Operasi Nyahkuman Kawasan Perniagaan Tanjung Karang. Operasi semburan nyahkuman dijalankan melibatkan 18 orang kakitangan daripada pelbagai jabatan dalam MDKS.

Semburan dilakukan di luar premis membabitkan tempat-tempat yang mudah disentuh oleh orang awam. Bahan yang digunakan adalah sodium hypochlorite seperti yang disyorkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia yang akan berbau seperti sisa klorin.



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

PROGRAM KAMI PRIHATIN, KAMI BERKONGSI AIDILFITRI MDKS

14 Mei 2020

Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan berlangsung, MDKS selaku pihak berkuasa tempatan sentiasa ke hadapan untuk membantu golongan yang terjejas. Tumpuan pada kali ini melibatkan kepada golongan berpendapatan rendah. MDKS telah menyalurkan sumbangan barang-barang keperluan makanan asas kepada mereka yang tidak bernasib baik dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Kuala Selangor. Harapan MDKS, dengan sumbangan ini dapat meringankan beban mereka yang memerlukan.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

“Usaha untuk rakyat”

PROGRAM BUBUR LAMBUK MDKS

15 Mei 2020

Walaupun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), MDKS masih mengekalkan tradisi mengagihkan bubur lambuk kepada kakitangan dan agensi kerajaan di dalam daerah Kuala Selangor. Pengagihan pada kali ini dijalankan secara sederhana dan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara. Fokus pada kali ini adalah mengagihkan bubur lambuk kepada barisan hadapan yang sentiasa bersedia berkhidmat membantu mengekang penularan wabak Covid-19.



Sumber : Kelab Sukan, Kebajikan dan Rekreasi, MDKS

SARINGAN COVID 19 RUMAH WARGA EMAS

16 Mei 2020

Memupuk semangat kerja berpasukan, MDKS telah menyalurkan sumbangan kemudahan logistik kepada Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor. Bantuan ini adalah untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada petugas bagi menjalankan saringan Covid-19 di seluruh rumah warga emas dalam daerah Kuala Selangor.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR 2019

18 Mei 2020

Berlangsung secara sederhana dan terkawal serta mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara, inilah perkara baharu di dalam penganjuran Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MDKS 2019. Seramai 38 penerima telah diraikan melalui penyampaian Sijil Penghargaan dan Sijil Simpanan Premium untuk setiap penerima. Majlis telah disempurnakan oleh Yang Dipertua MDKS, Yang Berusaha Puan Rahillah binti Rahmat. Syabas dan tahniah diucapkan kepada penerima.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

PROGRAM SANTUNI PESARA MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

18 Mei 2020

Meskipun tidak lagi berkhidmat di Majlis Daerah Kuala Selangor, jasa mereka tidak pernah dilupakan. Program santuni pesara MDKS yang diketuai oleh Setiausaha MDKS, Yang Berusaha Tuan Azman bin Dahlan, telah menziarahi empat orang pesara di kediaman mereka. Dalam masa yang sama dapat bertanya khabar demi kebajikan mereka serta penyampaian sumbangan menjelang aidifitri. Selamat berehat dan menikmati waktu persaraan kepada mereka.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

“Usaha untuk rakyat”

PROGRAM KAMI PRIHATIN, KAMI BERKONGSI AIDILFITRI MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR 19 Mei 2020

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Ahli Majlis MDKS turut menjadi tulang belakang kepada barisan hadapan MDKS yang sentiasa menyumbang tenaga dan bantuan kewangan. Selain itu, mereka turut membantu memberi sumbangan kepada penduduk yang memerlukan di kawasan seliaan mereka. Oleh yang demikian, MDKS telah memberi penghargaan menerusi sumbangan kepada mereka sebagai tanda penghargaan. Terima kasih dan terus kekal komited serta terus menabur bakti kepada warga Kuala Selangor.



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

LAWATAN KERJA PENGARAH PENGUATKUASA SEMENA SKIM HARGA MAKSIMUM MUSIM PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI 30 Mei 2020



Sumber : Jabatan Pelesenan

PENYERAHAN ALAT SANITASI

5 Jun 2020



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

PENYERAHAN SURAT KEBENARAN BERNIAGA PASAR PAGI/MALAM SEMPENA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) 13 - 14 Jun 2020

Melalui pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Yassin, MDKS telah mengeluarkan surat kebenaran berniaga pasar pagi/malam kepada peniaga berlesen di daerah Kuala Selangor. Kaedah penyerahan surat kebenaran adalah secara pandu lalu iaitu peniaga tidak perlu keluar daripada kenderaan mereka. Setiap peniaga yang diberikan kebenaran dikehendaki mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) MDKS, penggiliran hari perniagaan dan melakukan penjarakan fizikal.



Sumber : Jabatan Pelesenan

“Usaha untuk rakyat”


PEMANTAUAN PEMATUHAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PASAR PAGI/MALAM SEMPENA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) 16 Jun 2020

Pembukaan operasi pasar pagi/malam di daerah Kuala Selangor berlangsung dengan tenang dan terkawal. Meskipun begitu, pemantauan turut dijalankan oleh Jabatan Penguatkuasaan MDKS yang diketuai oleh Pengarah Jabatan Penguatkuasaan MDKS, Encik Muhd Lutfi bin Mislah Hudin. Terima kasih diucapkan kepada peniaga daerah Kuala Selangor yang sentiasa mematuhi arahan semasa oleh MDKS.



PEMANTAUAN PEMATUHAN PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) DI KAWASAN PELANCONGAN DAN KEMASKINI PRODUK PELANCONGAN DAERAH KUALA SELANGOR 22 Jun 2020

Sektor pelancongan daerah Kuala Selangor yang terjejas akibat wabak Covid-19 kini kembali dibuka untuk dilawati oleh pelancong secara berperingkat. Sehubungan itu, pemantauan industri ini diketuai sendiri oleh Yang Dipertua MDKS, Yang Berusaha Puan Rahillah binti Rahmat. Beliau turun padang melihat pematuan oleh operator pelancongan serta memberi pandangan penambahbaikan yang perlu dilakukan. Selain itu, beliau turut mengambil maklumat produk pelancongan terbaharu yang boleh ditawarkan kepada pengunjung.



AKTIVITI CSR PEMBERSIHAN PANTAI REMIS OLEH YAYASAN KEBAJIKAN SONG TAO

28 Jun 2020



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

BENGGKEL PENCAPAIAN SETENGAH TAHUN SASARAN KERJA TAHUNAN 2020 MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

3-7 Julai 2020



Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

“Usaha untuk rakyat”

OPERASI PUSAT CUCI KERETA WARGA ASING

8 Julai 2020

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah menjalankan operasi sitaan pusat cuci kereta tanpa lesen perniagaan di sekitar Puncak Alam, Kuala Selangor. Sebanyak 4 buah premis telah diperiksa dan mendapati tidak mempunyai lesen sah daripada MDKS serta dikendalikan oleh warga asing.



Kesemua 4 premis tersebut diarahkan tutup serta merta dan sebanyak 14 unit peralatan pembersih kenderaan seperti vakum serta pemampat udara telah disita.



Tindakan ini dilakukan dibawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDKS) 2007 kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen. Selain itu, kesemua premis tersebut dikenakan kompaun dibawah Undang-Undang Kecil Iklan (MDKS) 2007 kerana mempamer iklan tanpa lesen.



Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

PERHIMPUNAN PAGI DAN SEMINAR WANITA MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR 2020

16 Julai 2020

Menyedari kepentingan menjaga emosi wanita bagi memastikan kesejahteraan institusi keluarga, Majlis Daerah Kuala Selangor telah menganjurkan Seminar Wanita 'Memartabat Nilai Seorang Wanita' pada 16 Julai 2020 di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Kuala Selangor.



Penganjuran seminar ini merupakan program tahunan yang diadakan bagi memberi kefahaman serta ilmu pengetahuan kepada masyarakat mengenai isu-isu berkaitan wanita dalam aspek kekeluargaan, sosial dan kemasyarakatan.



Pelaksanaan seminar ini dijayakan menerusi ceramah yang telah disampaikan oleh Ustazah Asma' binti Harun. Seminar ini dihadiri seramai 200 orang wanita yang terdiri daripada kakitangan MDKS dan Pusanita Kuala Selangor.



Mengakhiri acara, Yang Berusaha Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MDKS telah menyampaikan cenderahati kepada penceramah dan beliau menyarankan agar semua peserta seminar mengambil ibrah menerusi majlis ilmu yang telah diadakan demi memastikan kestabilan dan keharmonian institusi keluarga.



Sumber : 1. Jabatan Kesihatan dan Persekitaran
2. Jabatan Pembangunan Masyarakat

“Usaha untuk rakyat”

OPERASI KENDERAAN BERAT

17 Julai 2020

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah menjalankan operasi bersepadu kenderaan berat di sekitar Bestari Jaya, Kampung Kuantan dan Taman Bendahara pada 17 Julai 2020.



Operasi ini dijalankan berikutan aduan awam mengenai kenderaan berat yang diparkir di kawasan taman perumahan, medan perniagaan dan bahu jalan sehingga mengakibatkan kerosakan jalan serta mengganggu keselamatan penduduk.



Dalam operasi tersebut, sebanyak 14 kompaun di bawah Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Daerah Kuala Selangor) 2005 dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) telah dikeluarkan oleh MDKS atas kesalahan halangan kenderaan berat.

Dalam masa yang sama, tujuh saman telah dikeluarkan oleh Polis Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Selangor dan Jabatan Pengangkutan Jalan mengeluarkan 4 saman.



Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

OPERASI SITAAN KEDAI KITAR SEMULA

22 Julai 2020

Sebuah premis yang menjalankan aktiviti kitar semula di Taman Ijok Utama telah disita melalui satu operasi yang dijalankan pada 22 Julai 2020.



Operasi ini dijalankan kerana aduan awam mengenai kacau ganggu yang ditimbulkan premis tersebut. dua kompaun dikeluarkan serta merta kepada premis tersebut kerana Ingkar Arahan Notis dan Kacau Ganggu Kekotoran.



Premis tersebut turut disita di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDKS) 2007 kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen. Operasi ini dijalankan melibatkan 15 orang kakitangan MDKS.

Masyarakat digalakkan untuk menyalurkan aduan berkaitan perkhidmatan MDKS secara dalam talian di selangor.spab.gov.my.



Sumber : 1. Jabatan Kesihatan dan Persekitaran
2. Jabatan Penguatkuasaan

“Usaha untuk rakyat”

OPERASI SITAAN PREMIS WARGA ASING

23 Julai 2020

Majlis Daerah Kuala Selangor telah menjalankan operasi sitaan terhadap premis yang dipercayai dijalankan oleh warga asing pada 23 Julai 2020.

Operasi ini dijalankan di tiga lokasi iaitu Taman Sungai Sembilang, Lot 742 Mukim Jeram dan Pasir Penambang.

Sebuah kedai runcit di Taman Sungai Sembilang yang mempunyai lesen perniagaan yang baru sehari diluluskan diarahkan tutup serta merta kerana dipercayai dijalankan oleh warga asing dan lesen perniagaan ditarik semula.



Sebuah pusat cuci kereta di Lot 742 Mukim Jeram disita kerana dipercayai dijalankan oleh warga asing. Peralatan seperti sebuah vakum dan sebuah 'air compressor' disita serta premis diarah tutup serta merta di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDKS) 2007 kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen.

Sebuah kedai rambut di Pasir Penambang disita kerana dipercayai dijalankan oleh warga asing. Peralatan seperti dua unit kerusi dan peralatan menggantung rambut disita serta premis diarah tutup serta merta di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDKS) 2007 kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen.

Kesemua premis tersebut dirujuk kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk tindakan selanjutnya. Masyarakat digalakkan untuk menyalurkan aduan berkaitan perkhidmatan MDKS secara dalam talian di selangor.spab.gov.my.



Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

BENGKEL TECH - IN 3.0 OSC PLUS

MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

24 Julai 2020

Unit Pusat Setempat (OSC) MDKS telah menganjurkan Bengkel Tech-in 3.0 Plus untuk agensi teknikal dalaman (ATD) dan agensi teknikal luaran (ATL) Majlis Daerah Kuala Selangor di Grand Ion Delemen Hotel, Genting Highland.

Bengkel ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha, Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MDKS.



OPERASI PENJAJA HADAPAN TESCO

25 Julai 2020



“Usaha untuk rakyat”

OPERASI SITAAN KILANG BAJA

24 Julai 2020

Majlis Daerah Kuala Selangor telah menjalankan operasi sitaan sebuah kilang memproses baja organik yang menyebabkan kacau ganggu bau di Jalan Permatang Tengah, Kampung Api-Api pada 24 Julai 2020.



Operasi ini dijalankan berikutan aduan awam mengenai pencemaran bau busuk yang dikeluarkan oleh kilang tersebut yang menjalankan aktiviti pemprosesan dan pembungkusan baja organik.

Pemeriksaan turut mendapati operasi perniagaan kilang tersebut dijalankan secara tidak terurus, kotor dan mengeluarkan bau yang terlalu kuat. Selain itu, kilang tersebut tidak sesuai beroperasi kerana terdapat pelanggaran beberapa pematuhan dari segi keselamatan dan kesihatan pekerja.



Selain itu, kilang itu turut diarah tutup serta merta di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDKS) 2007 kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen dan bekalan elektrik serta air turut dipotong untuk memastikan kilang ini menghentikan operasi sepenuhnya.

Operasi bersepadu ni dijalankan dengan kerjasama Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Air Selangor, Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor dan Pejabat Daerah/Tanah Kuala Selangor.



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

MAJLIS PELANCARAN PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM

BAGI DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS BANDAR MALAWATI KUALA SELANGOR (RKKBMKS) 2025
4 Ogos 2020

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah menganjurkan Majlis Pelancaran Program Publisiti dan Penyertaan Awam bagi Draf Rancangan Kawasan Khas Bandar Malawati Kuala Selangor (RKKBMKS) 2025 di Dataran Malawati, Pekan Lama Kuala Selangor.



RKKBMKS 2025 mengandungi cadangan tindakan khusus terperinci bagi tujuan memajukan, memajukan semula, memperelokkan lagi, memulihara atau pengurusan kawasan Bandar Malawati Kuala Selangor (Seksyen 16B, Akta 172). Selaras dengan itu, Bandar Malawati telah dipilih untuk dibangunkan ke Arah Melestarikan Eko Pelancongan, Warisan dan Sejarah Bertaraf Kebangsaan.



Pandangan masyarakat setempat turut diambil demi memastikan pembangunan yang dirancang menepati kehendak masyarakat selaras dengan SDG11 Ke arah Pembangunan Bandar dan Komuniti Mampan. Majlis telah dirasmikan oleh YAB. Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor.



Sumber : Jabatan Perancangan Pembangunan

“Usaha untuk rakyat”

OPERASI WARGA ASING DI SAUJANA UTAMA

6 Ogos 2020

Majlis Daerah Kuala Selangor telah menjalankan Operasi Premis dan Penjaja Warga Asing pada 6 Ogos 2020. Operasi ini dijalankan di sekitar kawasan Saujana Utama.



Operasi ini sebagai tindakan kepada premis yang disyaki dijalankan oleh warga asing yang menjalankan perniagaan tanpa lesen sah daripada MDKS dan penjaja yang mengambil warga asing sebagai pembantu.



Hasil operasi tersebut, sebanyak dua premis mencuci kereta, sebuah kedai alat ganti tayar dan sebuah kedai gunting rambut telah dikenakan tindakan sitaan dan diarahkan tutup serta merta dibawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MDKS) 2007 dan Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (MDKS) 2013 kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen.

Operasi ini melibatkan 12 anggota penguatkuasa MDKS dan bermula jam 3.30 petang hingga 7.00 malam. Masyarakat digalakkan untuk menyalurkan aduan berkaitan perkhidmatan MDKS secara dalam talian di selangor.spab.gov.my.



Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

OPERASI BERSEPADU WARGA ASING

10 Ogos 2020

Majlis Daerah Kuala Selangor telah menjalankan Operasi Penjaja Warga Asing pada 10 Ogos 2020. Operasi ini dijalankan di hadapan Tesco Kuala Selangor, Jalan Kereta Api Lama dan hadapan Mcdonald Kuala Selangor.



Operasi yang dijalankan ini sebagai tindakan kepada penjaja warga asing, penjaja yang menjalankan perniagaan tanpa lesen dan permit yang sah daripada MDKS dan penjaja yang mengambil warga asing sebagai pembantu.



Merujuk pada Dasar Aktiviti Penjaja dan Peniaga Kecil di Negeri Selangor menyatakan bahawa mengambil pembantu atau pekerja warga asing adalah tidak dibenarkan di bawah lesen penjaja. Permohonan untuk mengambil pembantu atau pekerja hendaklah daripada warganegara Malaysia sahaja. Tindakan sitaan boleh dikenakan dibawah Undang-Undang Kecil 42(1) Undang-Undang Kecil Penjaja (MDKS) 2007.

Operasi ini melibatkan 11 anggota Penguatkuasa MDKS dan bermula jam 3.30 petang hingga 7.00 malam. Masyarakat digalakkan untuk menyalurkan aduan berkaitan perkhidmatan MDKS secara dalam talian di selangor.spab.gov.my.



Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

“Usaha untuk rakyat”

AUDIT MARRIS OLEH JABATAN PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

12 Ogos 2020

Lawatan Pemantauan dan Pemeriksaan bagi Projek-Projek Penyelenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) tahun 2020 pada 12 Ogos 2020 di Majlis Daerah Kuala Selangor.



Lawatan ini dihadiri oleh oleh Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS) Bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).



Skop pemantauan adalah melibatkan pengurusan perakaunan bagi Terimaan dan Bayaran, Pengurusan Perolehan dan Jawatankuasa Sebutharga/Tender dan Perekodan Data-data Jalan Raya pada sistem MARRIS Online dan di tapak serta pemeriksaan Bill of Quantities (BQ), pemantauan kerja di tapak projek dan lain-lain aspek teknikal.



Sumber : Jabatan Kejuruteraan

KURSUS PEMANTAPAN PENGURUSAN BANGUNAN KEDIAMAN BERSTRATA

14-16 Ogos 2020

Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) MDKS telah menganjurkan Kursus Pemantapan Pengurusan Bangunan Kediaman Berstrata (C-Smart) 2020 di Impiana Hotel KLCC pada 14 hingga 16 Ogos 2020.



Kursus ini bertujuan membantu pihak JMB, MC untuk memahami dengan lebih mendalam pengurusan yang lebih sistematik dengan menitikberatkan isu semasa di kawasan Kuala Selangor yang semakin berkembang dan kawasan pemajuan yang semakin pesat meningkat.

Kursus ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha, Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MDKS.



Sumber : Unit Pesuruhjaya Bangunan

“Usaha untuk rakyat”

AUDIT KAWALAN VEKTOR OLEH KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT) 18 Ogos 2020

Pemantauan Teknikal Kawalan dan Pencegahan Denggi di Kawasan Pentadbiran Majlis Daerah Kuala Selangor oleh Bahagian Perundingan Kesihatan, Jabatan Kerajaan Tempatan KPKT pada 18 Ogos 2020 di Jabatan Kesihatan dan Persekitaran MDKS.



Lawatan pemantauan ini bertujuan untuk mengumpul maklumat faktor penyebab berkaitan peningkatan kes dan isu-isu berbangkit berkaitan kawalan dan pencegahan denggi di daerah Kuala Selangor.



Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

OPERASI BERSEPADU WARGA ASING

18 Ogos 2020

Majlis Daerah Kuala Selangor telah menjalankan Operasi Bersepadu Premis Warga Asing di sekitar Bestari Jaya dan Ijok melibatkan 20 premis yang telah diperiksa pada 18 Ogos 2020.



Operasi yang dijalankan ini sebagai tindakan kepada premis yang disyaki dijalankan oleh warga asing yang menjalankan perniagaan tanpa lesen sah dan penyalahgunaan lesen perniagaan oleh warga tempatan.

Hasil operasi tersebut, sebanyak 5 buah premis di Jalan Suria 2, Bestari Jaya telah diarahkan tutup serta merta kerana disyaki berlaku penyalahgunaan lesen perniagaan iaitu dioperasikan oleh warga asing. Lesen perniagaan ditarik semula oleh Jabatan Pelesenan MDKS untuk siasatan lanjut.



Operasi bersepadu ini melibatkan 36 anggota terdiri daripada Jabatan Penguatkuasaan MDKS, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Selangor serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bermula jam 3.00 petang hingga 7.00 malam.



Sumber : Jabatan Penguatkuasaan



Terima Kasih dan Tahniah
**KEPADA WARGA KUALA SELANGOR
KERANA MEMATUHI
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
BAGI MEMUTUSKAN RANTAIAN COVID-19
“Kitalah WIRA”**